

01 DEC 1997

Mahathir-Matawang

MAHATHIR KATA DAGANGAN MATAWANG BUKAN SUCI, GESA ADAKAN PERATURAN

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata urus niaga matawang bukanlah sesuatu yang "suci" dan hendaklah dikawal selia, setelah mengakibatkan ekonomi-ekonomi hancur dan tidak menentu ekoran serangan yang tidak dikawal.

Beliau berkata urusniaga matawang perlu dikawal selia bagi kepentingan semua pihak kerana jika tidak, kerosakan ekonomi yang dibebankan terhadap ekonomi-ekonomi sedang membangun mungkin merebak ke negara-negara maju juga.

Memandangkan bahaya itu, beliau menggesa Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) merumuskan dan menguatkuasakan peraturan bagi mengurangkan kekacauan dalam urus niaga matawang, dengan negara-negara maju dan sedang membangun mempunyai hak dalam merangka peraturan-peraturan itu.

Selagi ia tidak dikawal selia dan selagi mereka mempunyai beribu bilion milik mereka untuk diniagakan, keupayaan mereka untuk menyerang dan merosakkan ekonomi-ekonomi akan mencetuskan kebimbangan di hati bukan sahaja kerajaan-kerajaan dan menteri-menteri kewangan, tetapi kepada para peniaga dan rakyat, sama ada kaya atau miskin, katanya.

"...negara-negara dan yang lain yang belum lagi dilawati mereka (peniaga matawang), hidup dalam ketakutan terhadap serangan mereka," katanya semasa merasmikan mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean dan Asean Campur Enam di sini hari ini.

Mesyuarat Asean Campur Enam ialah antara menteri-menteri kewangan Asean dengan rakan-rakan sejawatan mereka dari Australia, China, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata beliau tidak nampak alasan kenapa urus niaga matawang tidak patut dikawal selia dengan peraturan-peraturan yang adil dan saksama, yang dibentuk bagi mewujudkan kekayaan dan kemakmuran terutamanya apabila yang paling buruk daripada serangan mata wang belum berakhir lagi.

Di samping itu, beliau berkata adalah juga tidak logik untuk mengawal selia dagangan dalam barangan dan perkhidmatan yang merupakan hanya lima peratus daripada perdagangan dunia dan membiarkan urus niaga matawang yang 20 kali lebih besar tidak dikawal selia dan melampaui kuasa mereka yang bertanggungjawab untuk mencapai keadilan di dalam perdagangan dunia.

Beliau berkata sementara Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) meneruskan peranan kawal seliaannya, WTO patut merumuskan peraturan urus niaga matawang.

"Adalah tidak diterima akal bahawa pada masa kerajaan-kerajaan dan semua peniaga lain didesak supaya terbuka dan telus, urus niaga matawang mesti dibenarkan mengurus niaga sendiri dengan penuh rahsia," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa sementara tiada pakatan untuk menguasai ekonomi negara-negara sedang membangun di Asia Timur tetapi adalah ketara kesusahan mereka telah memberikan peluang bagi memaksa mereka membuka ekonomi mereka dan kemungkinan penguasaan oleh negara-negara kuat dan berkuasa.

Mengenai bantuan kewangan oleh IMF, beliau mempersoalkan tentang apa yang boleh diberikan agensi pelbagai hala itu dalam menghadapi masalah matawang dan kemampuan yang semakin teruk negara-negara untuk membayar balik pinjaman. Ini kerana pinjamannya datang dengan pelbagai syarat, dan yang paling utama ialah pembukaan sektor kewangan negara sedang membangun kepada penyertaan asing.

Ia mungkin mengakibatkan bank-bank asing akhirnya menguasai kewangan

negara berkenaan, katanya. Beliau lalu menyebut satu laporan berita bahawa ia akan menurunkan kedudukan sesebuah negara yang megah menjadi pengemis yang akan menyerahkan kedaulatannya.

"Kami percaya terhadap globalisasi dan liberalisasi perdagangan, dalam menghapuskan undang-undang dan peraturan negara yang menyekat aliran modal dan perdagangan lintas sempadan.

"Tetapi adalah pasti, liberalisasi dan deregulasi badan-badan negara tidak harus mengakibatkan pendedahan kepada dunia huru-hara... tidakkah kita telah diberitahu supaya mematuhi kedaulatan undang-undang, mengapa penghapusan undang-undang negara harus mengakibatkan ketiadaan kedaulatan undang-undang di pasaran dunia yang diperbesarkan," katanya.

"Tanpa undang-undang, yang gagal dan yang korap akan berkuasa, akan menguasai... inilah yang sedang digalakkan," kata Dr Mahathir.

Kes bagi WTO untuk mengawal selia urusan niaga matawang adalah lebih kuat memandangkan ia telah tidak mewujudkan peningkatan guna tenaga, tiada pertumbuhan perniagaan atau kekayaan negara-negara dan rakyat.

Beliau juga menyelar kelakuan peniaga-peniaga matawang yang tidak terkawal caranya itu. Mereka boleh menaikkan sehingga 20 kali atau lebih dana yang mereka simpan dengan bank-bank mereka sementara bank-bank itu boleh mengadakan beribu bilion kepada pelanggan mereka, yang menyebabkan sesetengah bank itu menjadi lebih kaya daripada kebanyakan negara di dunia.

"Sememangnya, tiada sesiapa boleh menghujah bahawa hak peniaga-peniaga matawang untuk membuat keuntungan besar mengatasi kesejahteraan dan kekayaan berjuta-juta rakyat di pelbagai negara dan rantau.

"Benar, negara-negara itu sendiri mungkin bersalah tetapi tanpa manipulasi peniaga-peniaga matawang, mereka tidak akan berada di dalam keadaan tenat itu... memiskinkan negara, menghapuskan hasil kerja kami yang keras selama berdekad-dekad dan bertahun-tahun dengan menitiskan keringat, tenaga dan air mata," kata Perdana Menteri.

Negara-negara yang terjejas oleh serangan matawang sebenarnya tidak patut ditimpakan malang yang ditimpakan ke atas mereka oleh mereka yang mempermainkan nilai matawang, katanya.

Di Malaysia, pengurangan 40 peratus nilai ringgit adalah bersamaan dengan pengurangan dalam pendapatan per kapita dari AS\$5,000 kepada AS\$3,000, yang daripada segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah kira-kira AS\$40 bilion, sementara lebih AS\$100 bilion telah dihapuskan daripada pasaran saham... "kesemuanya, kami telah kerugian AS\$140 bilion," kata Dr Mahathir.

Negara-negara Asia Selatan dan Timur Laut Asia lain kerugian lebih daripada AS\$500 bilion di kalangan mereka daripada segi kuasa membeli barangan import, katanya. Sementara peniaga-peniaga matawang mungkin boleh memperolehi agak banyak, terdapat kerugian bersih yang besar bagi seluruh dunia kini memandangkan ia telah kehilangan saiz yang besar pasaran mereka.

Adalah jelas bahawa dengan sumber-sumber besar yang dimiliki mereka, peniaga-peniaga matawang boleh mempergunakan jualan singkat dan "serang sebarang negara tidak kira sekuat mana ekonomi mereka," katanya.

Negara-negara Amerika Latin dan Afrika turut diserang, kata beliau.

Beliau juga menyelar analisis-analisis yang tidak tepat terhadap sesebuah negara dengan cara kerap menerbitkan berita dan khabar angin yang tidak baik, yang mewujudkan alasan bagi penurunan nilai matawangnya.

"Oleh kerana tiada maklumat untuk membuktikan sebaliknya, maka ramalan mereka itu menjadi penyedap hati mereka sendiri... dari situ, apa yang dikatakan naluri ikut kumpulan akan mengambil alih pertimbangan lain di kalangan mereka," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MR OS NMO